

# Harga ikan tidak berubah

Sinar Harian 15/12/2018 m/s 38

**Peniaga masih kekal harga sama walaupun banjir**

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**P**eniaga ikan di daerah ini masih mengekalkan harga sama bagi pelbagai jenis ikan segar walaupun banjir melanda tiga daerah di negeri ini sejak kelmarin.

Tinjauan *Sinar Harian* di pasar minggu Rusila mendapati tiada kenaikan harga ikan, malah lebih rendah berbanding di Merchang dan beberapa lokasi lain.

Di Merchang, harga ikan aya kekal RM10 sekilogram manakala kembung RM16 sekilogram, sementara kerisi, selang, selar dan kembung bersaiz kecil antara RM8 hingga RM12 sekilogram.

Peniaga, Jamal Ismail, 33, berkata, harga ikan masih sama seperti harga sepanjang minggu lalu walaupun bekalan ikan diperoleh semakin berkurangan berbanding beberapa minggu lalu.

Menurutnya, harga ikan segar yang dijual tidak sama di Merchang dan di Rusila, namun perbezaannya tidak ketara antara RM1 atau RM2 bagi jenis ikan yang terpilih.

"Di sini perubahan harga bergantung kepada bekalan yang diperoleh, jika ikan kurang harga mungkin naik sedikit tetapi macam sekarang bekalan ikan masih lagi ada, jadi harga biasa saja," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Ismail, 54, berkata, dia dan rakan niaga lain tidak menerima sebarang aduan terhadap harga yang dikenakan kerana pelanggan memahami keadaan sekarang ini.

"Mereka merasakan harga ikan segar ditawarkan ma-



Tiada kenaikan harga ikan dikesan di pasar minggu Rusila, malah lebih rendah berbanding beberapa lokasi lain, semalam.

sih munasabah. Kemungkinan minggu depan akan naik, tapi mungkin juga akan kekal seperti sekarang. Ia bergan-

tung kepada keadaan semasa.

"Bezanya, jika pelanggan tawar harga pada waktu se-

karang ini kita pun tidak boleh lebih kurang kerana tak untung banyak sebab kita ambil ikan pun pada harga

info

## HARGA IKAN PER KG

- Aya - RM10
  - Kembung - RM16
  - Kerisi, selang, selar, kembung saiz kecil - RM8 hingga RM12
- (Harga berbeza mengikut kawasan antara RM1-RM2)

agak tinggi," katanya.

Hujan lebat sejak petang Rabu lalu mengakibatkan tiga daerah iaitu Kemaman, Hulu Terengganu dan Setiu dilanda banjir.

Berikutan itu, sebanyak 14 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di tiga daerah berkenaan.

Bagaimanapun setakat jam 8 malam tadi, hanya empat PPS masih dibuka di Kemaman melibatkan 142 mangsa.